

SIARAN BERITA
23 September 2021

Untuk Siaran Segera

SME BANK LANCAR 'BUSINESS EXPORTS PROGRAMME' UNTUK LAHIRKAN PENGEKSPORT BUMIPUTERA

KUALA LUMPUR : 23 September 2021 – Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank), sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) hari ini telah melancarkan program 'Business Exports Programme' (BEP) untuk melatih dan melahirkan lebih ramai usahawan PKS pengeksport Bumiputera melalui peruntukkan dana sebanyak RM30 juta oleh MEDAC bagi tempoh lima tahun dari 2020-2025.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Haji Omar berkata, "Data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan nilai dagangan eksport bagi separuh tahun pertama melonjak 30.2 peratus kepada RM585.56 bilion. Dengan perkembangan positif ini, saya menggesa usahawan PKS bumiputera merebut peluang untuk memastikan mereka mampu memperluaskan perniagaan ke peringkat antarabangsa melalui program BEP ini."

Tambah Tan Sri Noh, "Melihat kepada potensi usaha ini dan kejayaan yang dicapai sebelumnya, MEDAC telah membuat keputusan untuk menambah peruntukkan daripada RM10 juta ke RM30 juta untuk SME Bank melaksanakan program BEP ini."

Presiden Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank, Aria Putera Ismail berkata, "Sehingga kini, sebanyak 29 buah syarikat di mana 18 daripada sektor pembuatan dan 11 daripada sektor perkhidmatan telah terpilih untuk menyertai BEP. Melalui aktiviti

...lagi

MUKA SURAT 2/3: SME BANK LANCAR 'BUSINESS EXPORTS PROGRAMME' UNTUK LAHIRKAN PENGEKSPORT BUMIPUTERA

intervensi yang berstruktur, mereka akan dibimbing dan diselia berdasarkan enam parameter iaitu pengeluaran/teknikal, kewangan, tenaga kerja, keperluan eksport, pemasaran serta standard dan peraturan. Program BEP ini dilaksanakan dengan kerjasama Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) sebagai rakan strategik.”

Aria menambah, “Keenam-enam parameter ini akan membantu usahawan PKS yang terlibat menyediakan syarikat, produk dan perkhidmatan yang dapat memenuhi permintaan serta piawaian yang perlu untuk memasuki pasaran antarabangsa. Selain itu, SME Bank turut memberikan latihan keusahawanan percuma yang komprehensif melalui anak syarikatnya, Centre for Entrepreneur Development and Research (CEDAR) agar mereka dapat bertahan dan cekal bersaing dalam arena perniagaan yang lebih besar dan mencabar.”

Antara program misi perdagangan yang akan disertai peserta BEP dalam masa terdekat ialah MIHAS 2021 bermula 9 September hingga 31 Disember 2021, E-Biz Match bersama usahawan Uganda pada 28 September 2021, Export Acceleration Mission Bangkok, Thailand, dari 18 hingga 20 Oktober 2021 dan Dubai Expo 2020 pada 13 hingga 19 Februari 2022.

SME Bank sebagai agensi pelaksana telah memulakan program ini sejak tahun 2016 sehingga 2019 di mana sebelum ini ia dikenali sebagai Best Exporters Program dan merupakan kolaborasi antara TERAJU, SME Bank dan MATRADE. 73 buah syarikat tempatan telah menyertai program tersebut dan mencatat peningkatan hasil eksport sebanyak RM141.4 juta; 55 buah syarikat telah berjaya meningkatkan hasil eksport; 19 buah syarikat telah menjadi pengeksport baharu dan 13 buah syarikat telah mendapat pembiayaan daripada SME Bank berjumlah RM87.7 juta.

...lagi

MUKA SURAT 3/3: SME BANK LANCAR 'BUSINESS EXPORTS PROGRAMME' UNTUK LAHIRKAN PENGEKSPORT BUMIPUTERA

BEP merupakan sebuah program intervensi berstruktur yang telah diletakkan di bawah Rancangan Malaysia ke-11. Program ini menyokong Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) 2030 di bawah inisiatif mempelbagaikan eksport negara dan mengurangkan kebergantungan kepada eksport minyak dan gas. Selain itu, BEP juga secara langsung menyokong Teras 6 di bawah Dasar Keusahawanan Negara (DKN) 2030 dalam mengantarabangsakan perusahaan berprestasi tinggi, dengan memudah cara usahawan PKS Bumiputera untuk menembusi pasaran eksport.

Majlis pelancaran BEP ini telah disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Haji Omar, Dato' Seri Nazir Ariff, Pengerusi SME Bank dan Aria Putera Ismail, Presiden Kumpulan/Ketua Pegawai Eksekutif SME Bank. Turut hadir adalah ahli-ahli lembaga pengarah SME Bank dan wakil-wakil dari rakan strategik program.

-Tamat-

Tentang SME Bank

SME Bank, yang ditubuhkan pada tahun 2005 merupakan sebuah agensi yang berada di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC). Kami ingin menjadi peneraju Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) dengan memberikan perkhidmatan terbaik yang melangkaui konsep pembiayaan kepada sektor PKS.

Sejajar dengan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030, SME Bank mempunyai matlamat untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui inisiatif berimpak tinggi seperti penggunaan teknologi digital dan Revolusi Industri (IR 4.0). Untuk maklumat lebih lanjut, sila layari: www.smebank.com.my

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan
SME Bank
Aras 18, Menara SME Bank
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

En. Abdul Latiff bin Puteh
Ketua Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan
SME Bank
No. Telefon Bimbit : 019-9112826
No. Telefon Pejabat: 03-2615 2954
Emel: abdul.latiff@smebank.com.my